

## **Tiada Laporan Penjawat Awam Terbabit Perhimpunan GST - Shahidan**

**Bernama**

**Jun 18, 2014**

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Kerajaan tidak menerima sebarang laporan sehingga kini berhubung dakwaan pembabitan penjawat awam dalam perhimpunan membantah Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Namun, beliau berkata, isu itu sentiasa dipantau oleh ketua-ketua jabatan bagi memastikan pegawai di bawah seliaan masing-masing mematuhi peraturan sedia ada.

"Walaupun terdapat dakwaan di media yang mendakwa wujud penglibatan penjawat awam dalam perhimpunan itu, sehingga kini tiada pihak tampil membuat laporan rasmi kepada Ketua Jabatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Laporan ini penting bagi memastikan sebarang prosiding tatatertib yang akan dimulakan adalah berdasarkan fakta yang tepat dan dapat dibuktikan," katanya dalam jawapan bertulis kepada pertanyaan Lim Lip Eng (DAP-Segambut) pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Lim meminta Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyatakan bilangan penjawat awam yang didapati dalam perhimpunan itu pada 1 Mei 2014 dan apakah tindakan kerajaan terhadap mereka.

Shahidan berkata peraturan yang melarang penjawat awam terbabit dalam perhimpunan seperti itu adalah selaras dengan surat edaran JPA bilangan JPA (JPA(S)TT.71/140/(36) bertarikh 30 Jun 2011 dan bilangan JPA(S)TT.71/140(36) bertarikh 13 Ogos 2009.

Surat JPA itu bertajuk Larangan Penglibatan Pegawai Perkhidmatan Awam Dalam Perhimpunan Haram Atau Gerakan yang Mengancam Keselamatan Negara yang dikeluarkan sebagai peringatan dan langkah pencegahan awal.

Sementara itu, Lim, dalam soalnya, turut meminta perdana menteri menyatakan statistik penjawat awam yang dibuang kerja sejak tahun 2010 mengikut tahun, bangsa

dan nama agensi.

Menjawab soalan itu, Shahidan berkata jumlah penjawat awam yang dibuang kerja dari tahun 2010 hingga 2013 ialah sebanyak 4,244 orang melibatkan kesalahan pelanggaran tatakelakuan, tidak hadir bertugas, kes mahkamah dan kesalahan dadah, tetapi bukan disebabkan kesalahan menghadiri penghimpunan haram.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 3,892 (91.7 peratus) berbangsa Melayu, 39 (1 peratus) berbangsa Cina, 164 (3.8 peratus) berbangsa India dan 149 (3.5 peratus) bangsa lain.

"Lima agensi tertinggi yang terlibat dalam tempoh berkenaan ialah Kementerian Kesihatan Malaysia; Kementerian Dalam Negeri; Kementerian Pelajaran Malaysia; Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1047430>